

Pensyarah peraga busana etnik tonjol keunikan budaya Sabah

UB 03.04.2022 P.08

KOTA KINABALU: Kemeriahannya Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-22 bukan sahaja dirasai dalam kalangan graduan tetapi juga dalam kalangan pensyarah.

Bagi salah seorang ahli Senat yang juga Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar Universiti Malaysia Sabah (PKPP UMS), Dr. Jurry Foo, majlis itu juga memberi ruang menonjolkan budaya dan nilai murni khususnya dalam penghayatan perpaduan keluarga Malaysia.


Beliau memakai baju tradisi yang berbeza dan dipadankan dengan jubah akademik selama enam hari majlis itu berlangsung.

“Secara positifnya, memakai busana etnik bukanlah satu tindakan rasisme malah ia adalah kaedah untuk memulihara budaya.

“Dari sudut Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) ia menjadi satu kaedah pembelajaran tidak formal yang boleh memberi motivasi untuk mengetahui lebih mendalam mengenai busana etnik yang dikenakan termasuk latar belakang busana, asal usul dan sebagainya,” katanya.

Jurry berkata demikian ketika ditemui selepas acara Majlis Konvokesyen UMS melabuhkan tirainya kelmarin.

Beliau berkata, pembentukan busana tradisi juga



MENARIK: Jurry bersama seorang lagi pensyarah UMS yang mengenakan busana etnik, Prof Dr. Monica Suleiman.

memberikan inspirasi untuk orang ramai mencari tahu budaya dan asal usul.

“Buktinya, reaksi yang saya peroleh daripada pelbagai pihak ialah rancangan menempah dan memakai pakaian tradisi mereka pada masa akan datang.

“Malah ada yang bertanya di mana boleh dibeli busana etnik, nama-nama aksesori seperti ‘betungkat’ dan juga butang emas berkepala ratu (queen), malah ada yang mencadangkan untuk men-

gadakan bengkel membuat busana etnik tradisional dan kontemporari,” katanya.

Justeru, beliau menyeru agar semua pihak untuk terus membudayakan busana etnik bagi memastikan ia tidak hilang ditelan zaman.

“Budayakanlah pemakaian baju etnik sama ada tradisional maupun kontemporari.

“Kita sama-sama marta-batkan keunikan dan keis-timewaan budaya tradisi kita agar terus diwarisi zaman berzaman,” katanya.